

03 FEB 2002

Samsudin-SSB (Bergambar)

K'JAAN PASTIKAN PENAMBAHBAIKAN SSB TIDAK LIBAT PERBELANJAAN BESAR

PUTRAJAYA, 3 Feb (Bernama) -- Kerajaan akan memastikan sebarang penambahbaikan terhadap Sistem Saraan Baru (SSB) tidak membabitkan perbelanjaan yang banyak, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman hari ini.

Katanya setiap keputusan akan dibuat secara berhati-hati agar sebarang perbelanjaan tambahan tidak membebankan kerajaan memandangkan kakitangan awam telah menikmati penyelarasan gaji sebanyak dua kali dalam tempoh dua tahun lepas.

"Kenaikan gaji yang telahpun dinikmati ini melibatkan tambahan kepada perbelanjaan, jadi kalau kita membuat penambahbaikan dan melibatkan tambahan, kita perlu berhati-hati supaya perbelanjaan tidak terlalu banyak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pertandingan memancing sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan, di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terbaru berhubung saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menghalusi semula beberapa cadangan yang dikemukakan dalam laporan SSB.

Perdana Menteri pada Khamis lepas dilaporkan berkata pendekatan baru SSB yang dicadangkan oleh JPA itu akan membabitkan anggaran perbelanjaan tambahan sebanyak RM1 bilion.

Samsudin berkata semakan semula terhadap kajian itu antaranya mewujudkan lebih banyak peluang kenaikan pangkat kepada kakitangan awam dan penyelarasan pergerakan gaji.

"Semakan itu akan dibuat secepat yang dapat, (mungkin) dalam sebulan dua," katanya.

SSB telah diperkenalkan pada 1992 tetapi pelaksanaannya banyak menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan kakitangan kerajaan.

Ini telah mendorong JPA melakukan semakan semula terhadap sistem itu dan mengemukakan beberapa pendekatan baru bagi membaiki kelemahannya.

Sehingga kini JPA mempunyai kira-kira 960,000 kakitangan di seluruh negara yang telah menikmati penyelarasan gaji sebanyak 10 peratus pada 2001 dan 2002.

Pertandingan memancing itu, yang diadakan di Tasik Putrajaya, disertai kira-kira 700 peserta yang datang dari seluruh negara.

-- BERNAMA

NM MFJ RON